



R2
RUMAH
KEDUA

Oleh Aniza Zainudin

anizazainudin@hmetro.com.my

Malaysia tidak pernah terse-narai sebagai negara bakal dikunjungi Ma Tin Cho Mar @ Noorjahan Bi Bi, sebaliknya Kota Singa yang menjadi pilihan utama.

Wanita kelahiran Yangon, Myanmar ini tidak pernah men-jangka bakal menjalani kehidupan mengujakan sebagai mahasiswa, isteri dan pekerja di Malaysia.

Bertemu pasangan hidup dan mencari rezeki di negara bertuah ini, wanita berusia 44 tahun me-ngakui Malaysia memiliki tarikan tersendiri.

② *Kali pertama anda datang ke Ma-laysia dan tujuannya?*

① Saya datang ke Malaysia pada 2000 untuk melanjutkan penga-jian peringkat sarjana di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Selepas menamatkan penga-



HUBUNGAN baik dengan pelajarnya.

BERSAMA anak tunggalnya.

jian dalam tempoh dua tahun, saya berkhidmat sebagai pembantu penyelidikan di Universiti Malaya. Kemudian melanjutkan pelajaran ke peringkat doktor falsafah.

Sejak 2004, saya menetap di Malaysia bersama suami yang ditemukan di universiti sama.

? *Persepsi anda terhadap Malaysia?*

! Sebelum datang ke sini, saya melanjutkan pelajaran di Singapura. Disebabkan kos yuran tinggi, saya melupakan hasrat itu dan pulang ke Myanmar untuk bekerja.

Meskipun demikian, saya sering mencari peluang untuk melanjutkan pelajaran. Kemudian, saya menyertai bengkel pendidikan dihadiri wakil UPM yang mempromosi kursus dan biasiswa ditawarkan.

Sebenarnya saya tidak berharap mendapat peluang itu, tambahan pula saya menunggu setahun untuk menerima panggilan daripada UPM.

Saya tidak mempunyai anggapan bakal menjalani kehidupan menyeronokkan di sini, sebaliknya berlaku apabila saya bebas melakukan pelbagai perkara baru yang dilarang di Myanmar.

? *Cabarannya panjang di Malaysia?*

! Permulaannya, saya sukar menyesuaikan diri dengan kehidupan di sini, sama ada bahasa maupun makanan.

Selepas mengikuti program bahasa Melayu, saya memahami perkataan tetapi sukar menjawab dalam bahasa tempatan itu hingga hari ini.

Mengenai makanan pula, tia- da banyak beza dengan sajian di Myanmar, cuma di sini lebih pedas dan manis. Selepas dua tahun, baru saya berjaya menyesuaikan diri.

? *Pengalaman menarik ingin dikongsikan?*

'Seronok hidup di sini'

Boleh solat berjemaah di masjid, lawat tanah perkuburan pada Aidilfitri

! Saya berpeluang memasuki masjid dan menunaikan solat berjemaah beramai-ramai. Pendekatan Islam di Malaysia jauh berbeza dengan Myanmar.

Wanita di Myanmar tidak dibenar memasuki masjid maupun menziarah tanah perkuburan.

Sewaktu bergelar mahasiswa, saya jarang pulang ke tanah air walaupun pada musim perayaan. Kemudian saya menerima perlawaan daripada seorang teman yang menetap di Hulu Langat, Selangor untuk menyambut Aidilfitri dan berpeluang menunaikan solat sunat Aidilfitri di masjid.

Saya juga pernah ke Kuala Lipis, Pahang dan bercuti di rumah seorang kawan. Ia pengalaman tidak dilupakan kerana rumahnya terletak di atas bukit dan udaranya nyaman, malah saya diterima dengan baik.

? *Lokasi kegemaran anda?*

! Johor Bahru.

? *Makanan tempatan kegemaran anda?*

! Laksa Kedah.

? *Malaysia di mata anda?*

! Malaysia negara yang harmoni dengan pelbagai kaum. Saya sangat berharap keamanan dan keharmonian ini dikekalkan.

Profil

Nama: Ma Tin

Cho Mar @

Noorjahan Bi Bi

Asal: Yangon,

Myanmar

Lahir: 30 Mei

1970

Kerjaya:

Pensyarah

Status:

Ber-

kahwin

Kedia-

man: Kua-

la Lumpur

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....